

15 NOV 1999

Zaleha-Tanding

ZALEHA SERAH KEPADA DR MAHATHIR KEPUTUSAN BERTANDING

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail berkata beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada akan dicalonkan untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-10 ini.

"Saya akur kepada apa sahaja keputusan Datuk Seri Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah Peraduan Sayembara Cerpen Remaja Perpaduan 1999 dan melancarkan antologi cerpen "Cinta Internet" di sini hari ini.

Zaleha yang sudahpun lima kali melibatkan diri bertanding sebagai calon dalam pilihan raya umum berkata, beliau sendiri tidak tahu sama ada akan bertanding atau tidak kerana senarai calon belum diumumkan lagi.

"Hanya Dr Mahathir yang tahu siapa calon yang sesuai untuk bertanding dan memegang sesuatu jawatan," katanya.

Mengenai persiapan jentera pilihan raya, Zaleha, anggota Parlimen kawasan Gombak, berkata segala persediaan menghadapi pilihan raya umum telah diadakan dengan rapi.

Beliau yakin Barisan Nasional akan mengekalkan kerusi itu malah, akan menang dengan majoriti undi yang besar.

"Sebanyak 50.3 peratus pengundi di kawasan Gombak ialah wanita. Ini beri keyakinan BN akan menang besar...wanita adalah pengundi setia BN," katanya.

Terdahulu Zaleha menyampaikan hadiah kepada pemenang Sayembara Cerpen Remaja Perpaduan, iaitu Nur Hidayah Mansor dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 24, Shah Alam yang memenangi tempat pertama dan menerima wang tunai RM2,000 sumbangan Bank Simpanan Nasional (BSN), RM1,000 sumbangan Jabatan Perpaduan Negara, hamper serta buku sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Tempat kedua dimenangi oleh Shahirah Shafie dari Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin, Perlis dan menerima RM1,000 sumbangan BSN, RM750 dari Jabatan Perpaduan Negara, hamper serta buku DBP manakala Nurdila Abdul Ghani dari Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Kuantan memenangi tempat ketiga dan menerima wang tunai RM700 dari BSN, RM500 dari Jabatan Perpaduan Negara dan hamper.

Zaleha berkata peraduan itu adalah satu galakan kepada remaja memikirkan mengenai perpaduan dan integrasi nasional serta memperkayakan khazanah sastera negara.

-- BERNAMA

HS MAI